

23/07/2004

Keterbukaan Abdullah dikagumi tokoh Perancis

By Hishamuddin Aun

PARIS: Kepetahan dan keterbukaan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memukau kira-kira 60 tokoh ternama Perancis pada satu majlis makan tengah hari di sini kelmarin, yang menonjolkannya selaku pemimpin negara membangun.

Perdana Menteri memanfaatkan sepenuhnya sesi dialog anjuran Institut Hubungan Antarabangsa Perancis (IFRI) itu untuk mengulas skop isu yang luas daripada Islam, kebangkitan China, kegagalan aturan perniagaan menerusi Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), hubungan Malaysia-Perancis hinggalah kepada masa depan Asean.

Sambil bertegas bahawa apa juga masalah negara Islam tidak harus dipersalahkan kepada agama itu tetapi kepemimpinan negara berkenaan sendiri, beliau menarik perhatian terhadap Malaysia sebagai contoh negara Islam moden, toleran dan progresif.

"Malaysia tidak kurang dengan cabarannya sendiri dengan sebahagian rakyatnya bukan beragama Islam tetapi tahap keselesaan antara pemimpin berbilang kaum dan budayanya amat tinggi. Di sinilah kepemimpinan politik amat penting.

"Kami adalah contoh sebuah negara Islam yang tidak bertolak ansur terhadap ekstremisme, sebaliknya menekankan keadilan dan kesaksamaan," katanya kepada kelompok tokoh industri, Ahli Parlimen dan golongan intelektual di Automobile Club de Paris di sini.

Turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Duta Besar Malaysia ke Perancis, Datuk Hamidah Mohd Yusoff.

Kepada satu soalan, Perdana Menteri berkata, beliau memberi penekanan kepada Islam dalam pembangunan dengan menitikberatkan peningkatan sumber manusia agar mereka diterapkan dengan budaya berprestasi tinggi.

Dengan berpendirian demikian, katanya, Malaysia melihat China bukan sebagai ancaman, sebaliknya menjadi cabaran agar lebih kompetitif bagi memanfaatkan pasaran yang terbuka luas di negara itu.

"Iktibar yang boleh diambil ialah kami perlu memberatkan teknologi tinggi, menghasilkan lebih banyak barangan bermutu dan meneroka pasaran khusus untuk kekal bersaing," katanya.

Mengenai hubungan dengan Perancis, Abdullah berkata, jalinan kemesraan yang terbentuk ketika kepemimpinan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Jacques Chirac sudah mengorak langkah besar dalam meningkatkan hubungan dua hala.

"Saya berkongsi wawasan yang sama ke arah hubungan kerjasama lebih kukuh di antara kedua-dua negara. Terdapat skop yang luas bagi kerjasama ekonomi lebih erat," katanya.

Perdana Menteri turut menyentuh soal masa depan Asean yang menuntut perpaduan lebih kukuh di kalangan negara anggotanya, tambahan dengan China kini menjadi faktor besar.

Dengan aturan WTO hanya menyukarkan penyelesaian, katanya, bukan menghairankan apabila semakin banyak negara memilih untuk menandatangani perjanjian perdagangan bebas (FTA).

"Adalah lebih mudah untuk berunding secara dua hala daripada mengambil pendekatan pelbagai hala," katanya merujuk kepada Sidang Kemuncak Asia Timur pertama yang akan dianjurkan Malaysia tahun depan.

Keseluruhannya, majlis selama dua jam itu berlangsung dalam suasana mesra, dengan pelbagai soalan dibangkitkan, dan disudahi dengan penerimaan baik mereka yang hadir terhadap penjelasan Abdullah yang rata-rata

dirasakan ikhlas dan berterus terang.  
(END)